

U B815 BAH

MAHATHIR - MELAWAT

**KEMAMAN**, 15 AGUS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MELAWAT DERMAGA TANJUNG BERHALA. DEKAT SINI DAN DIBERI TAKLIMAT MENGENAI PERANAN DAN PEMBINAANNYA.

BELIAU SEBELUM ITU MERASMIKAN LAPANGAN TERBANG KERTIH, 44 KM DARI SINI.

PERDANA MENTERI YANG DIIRINGI OLEH ISTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH, MENTERI BESAR TERENGGANU DATUK SERI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK DR. YUSOF NOR DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN NEGERI KEMUDIAN BERKERETA KE DERMAGA TANJUNG BERHALA.

SETELAH LAWATAN ITU, PERDANA MENTERI DAN ROMBONGAN BERLEPAS KE KILANG PERWAJA TERENGGANU SDN. BHD DAN MENINJAU KERJA-KERJA YANG DIJALANKAN.

SYARIKAT USAHASAMA ANTARA HICOM, PERBADANAN PELABURAN NEGERI TERENGGANU DAN KONSORTIUM JEPUN ITU MERUPAKAN SEBUAH SYARIKAT YANG MENGELUARKAN BESI BERONGGA DAN KELULI.

SYARIKAT ITU MEMULAKAN PENGELUARANNYA AWAL TAHUN INI YANG SEBAHAGIANNYA DIGUNAKAN DALAM PROJEK PEMBUATAN KERETA PERTAMA MALAYSIA, PROTON SAGA. -- LAGI.

1604MST 15 08 85

MAHATHIR - MELAWAT 2 KEMAMAN

DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN ROMBONGAN AKAN KE KEDIAMAN PEGAWAI DAERAH KEMAMAN, HAJI KHALID AWANG PETANG INI DAN KEMUDIAN BERLEPAS DENGAN HELIKOPTER KE BESUT.

BELIAU DALAM RANGKA LAWATAN RASMI TIGA HARI KE TERENGGANU SEMPENA EXPO PEMBANGUNAN 10 TAHUN NEGERI DAN AKAN PULANG KE KUALA LUMPUR PAGI ESOK. -- BERNAMA.

1604MST 15 08 85